



KEMENTERIAN KERJA RAYA

GARIS PANDUAN BAGI BAYARAN INSENTIF TUGAS PENGURUSAN STOR

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk digunakan sebagai panduan oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya bagi melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi insentif kepada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) PT (P/O) yang menjalankan tugas dalam bidang pengurusan stor selaras dengan kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1999.

2. TAFSIRAN

Kerajaan telah memutuskan untuk memberi Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor (BITPS) kepada PT(PO) yang menjalankan tugas dalam bidang pengurusan stor. Keputusan Kerajaan membayar BITPS adalah sebagai galakan kepada PT(P/O) untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran dalam bidang pengurusan stor.

3. KELAYAKAN

PT(P/O) yang layak dibayar BITPS adalah mereka yang menjalankan tugas pengurusan stor sepenuh masa dalam bidang berikut:-

- a. Kawalan stok; dan
- b. penstoran;

- 3.1 Tugas yang terlibat dengan bidang pengurusan stor di perenggan 3 di atas adalah di Lampiran A. Penjelasan lanjut berhubung dengan bidang tugas berkenaan boleh dirujuk kepada Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Perbendaharaan Malaysia.

- 3.2 PT(P/O) yang dilantik secara kontrak dan sementara yang menjalankan tugas pengurusan stor sepenuh masa dalam bidang seperti yang dinyatakan di perenggan 3 juga layak dibayar BITPS.
- 3.3 BITPS dibayar di atas kadar berikut:-
- a. RM40.00 sebulan kepada PT(P/O) yang tidak mempunyai sijil; dan
 - b. RM80.00 sebulan kepada PT(P/O) yang mempunyai sijil.
- 3.4 Bagi tujuan memperolehi sijil, PT(P/O) perlu menduduki dan lulus peperiksaan yang dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Perbendaharaan Malaysia.
- 3.5 PT(P/O) yang dibayar BITPS tetapi meninggalkan tugasnya selama 28 hari dan lebih secara berturut-turut tidak layak dibayar bayaran insentif berkenaan bagi tempuh tersebut. Walau bagaimanapun, pengecualian diberi kepada mereka yang meninggalkan tugasnya bagi tempuh yang tidak melebihi 92 hari berturut-turut termasuk hari kelepasan mingguan dan kelepasan am, dalam keadaan berikut:-
- a. Menghadiri kursus yang diarahkan oleh Ketua Jabatan;
 - b. Menjalankan tugas rasmi atas arahan Ketua Jabatan; dan
 - c. Bercuti sakit yang disokong oleh sijil sakit mengikut Perintah Am Bab 'C'.
- 3.6 BITPS dibayar secara *proportionate* bagi PT(P/O) yang tidak bertugas genap sebulan.

4. BORANG PERMOHONAN

Rujuk lampiran A1

5. KUASA MELULUSKAN PERMOHONAN

Pegawai Pengawal

6. SENARAI SEMAK

Rujuk lampiran B

7. PENUTUP

Diharapkan Garis Panduan Bagi Permohonan Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor Bagi Anggota Perkhidmatan Awam ini dapat dijadikan rujukan kepada semua pegawai dan kakitangan di Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya dalam memastikan proses bayaran akan dilaksanakan dengan teratur.

ISI KANDUNGAN LAMPIRAN

| Bil. | Perkara | Muka Surat |
|-------------|------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1. | Pekeliling Perkhidmatan – PP Bil.8/1999 Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor | 1-4 |
| 2. | Senarai Semak | 6 |
| 3. | Carta Alir | |

BIDANG TUGAS PENGURUSAN STOR

A. KAWALAN STOK

- Mengurus perancangan pembelian barang-barang mengikut paras-paras stok tertnetu serta menyediakan pesanan (*rekuisisi*) bagi penokokan stok.
- Mengurus rekod yang sistematik dalam daftar stok mengikut kod dan menyelenggara katalog barang-barang.
stok.
- Melaksanakan pemeriksaan stok (*pengiraan fizikal*) berkala ke atas semua jenis barang dan menyelaras dengan rekod-rekod stok.
- Menyediakan laporan/penyata hal ehwal kawalan stok, pemeriksaan stok, pelupusan/hapus kira terhadap barang-barang stor.

B. PENSTORAN

- Mengurus hal ehwal penerimaan, penyimpan, pengeluaran dan pemeliharaan barang-barang dengan sempurna.
- Menguruskan hal ehwal pembungkusan, pengangkutan dan penghantaran barang-barang ke destinasi tertentu.
- Mengurus, mengemaskini dan memantau semua akaun berhubung dengan kawalan stok, kawalan kerja dan kawalan kewangan bagi stor-stor tidak beruntuk (*unallocated stores*).

**SOKONGAN KETUA JABATAN
BAGI BAYARAN INSENTIF TUGAS PENGURUSAN STOR
PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.8/1999**

ADALAH DISAHKAN BAHAWA
YANG BERTUGA SEBAGAI
NO. K/P TELAH MENJALANKAN TUGAS-
TUGAS PENGURUSAN STOR SEPENUHNYA DAN LAYAK DIBAYAR BAYARAN
INSENTIF TUGAS PENGURUSAN STOR SEBANYAK RM40.00 / RM80.00 (RINGGIT
MALAYSIA EMPAT PULUH SAHAJA / RINGGIT MALAYSIA LAPAN PULUH
SAHAJA)* MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.8 TAHUN 1999.

Disokong oleh,

(Ketua Jabatan)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

*Potong yang mana tidak berkenaan

SENARAI SEMAK

Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor (BITPS)

Nama : _____

Jawatan : _____

Bahagian : _____

Tarikh : _____

| BIL. | DOKUMEN | ADA | TIADA |
|------|-------------------------------------------------------------|-----|-------|
| 1 | Surat Iringan (<i>Covering Letter</i>) dari Ketua Jabatan | | |
| 2 | 1 Set (ASAL) Borang Permohonan BITPS | | |
| 3 | 1 Set Surat Sokongan Ketua Jabatan | | |
| 4 | 1 Salinan Senarai Tugas - Terkini | | |
| 5 | 1 Salinan Carta Organisasi - Terkini | | |
| 6 | 1 Salinan Buku Servis (3 Tahun Terkemudian) | | |

~ Semua salinan yang dikemukakan ke CKEP, BK KKR perlu **disahkan** oleh pegawai yang bergred **29 dan ke atas**.